

'Pembentukan Diri' Seorang Isteri Melayu dalam *Perempuan, Isteri & ...* (1993)

NUR AZLIZA MOHD NOR
NUR AFIFAH VANITHA ABDULLAH
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penelitian dan perbincangan terhadap watak protagonis wanita U-Wei Haji Saari dalam filem *Perempuan, Isteri & ...* (1993) adalah agak ekstensif setakat ini. Penulisan lepas tentang watak Zaleha didokumentasi dalam beberapa perspektif dan meliputi penulisan bersifat popular dan ilmiah. Walau bagaimanapun, terdapat satu kenyataan oleh Zawawi (2004) yang menyatakan bahawa, pengarah U-Wei menggarap watak Zaleha sebagai wanita Barat, dan watak ini terperangkap di sebalik pakaian serta bahasa badan wanita Timur. Artikel ini bertujuan menjawab persoalan, "apakah bentuk 'pembentukan diri' (self-construal) watak Zaleha yang dipaparkan sebagai isteri oleh U-Wei dalam filem *Perempuan, Isteri & ...?*". Bagi menjawab persoalan ini, tingkah laku Zaleha sebagai isteri akan berlandaskan perspektif Islam iaitu taat kepada suami, menjaga maruah diri, suami dan harta benda, mengurus rumah tangga serta sebagai pendorong dan pemberi motivasi, akan diteliti berdasarkan teori *self-construal* oleh Markus dan Kitayama (1991). Data bagi artikel ini diperoleh daripada reka bentuk kajian kualitatif. Sementara itu, instrumen untuk memperoleh data adalah temu bual dengan U-Wei dan kajian perpustakaan. Dapatkan kajian yang dirakam dalam artikel ini adalah, *self-construal* watak Zaleha sebagai isteri merupakan gabungan *independent self-construal* dan *interdependent self-construal*. Namun begitu, pola kognisi, emosi dan motivasi Zaleha lebih cenderung ke arah Barat iaitu *independent self-construal*. Justeru, artikel ini mengesahkan kenyataan Zawawi sebelum ini, iaitu watak Zaleha adalah seorang wanita Barat yang terperangkap dalam badan seorang wanita Timur.

Kata Kunci: *Peranan isteri, self-construal, kritikan filem, filem Melayu, U-Wei Haji Saari.*

'Self-Construal' of a Malay Wife in *Perempuan, Isteri & ...* (1993)

ABSTRACT

Previous researches and discussions on U-Wei Haji Saari's female protagonist character in *Perempuan, Isteri & ...* (1993), are quite extensive and include both popular and academic writings. In these writings, Zaleha, the protagonist is explained in several perspectives. Nonetheless, a local scholar, Zawawi (2004) claims that the director has portrayed the character as a Western woman, only that, the character is trapped in the clothing and in the body of an Eastern woman. This article aims to identify "what type of self-construal is portrayed by the character, Zaleha who plays the role of a wife in the *Perempuan, Isteri & ...* (1993)?" Zaleha's role of a Malay Muslim wife is studied based on the self-construal theory by Markus and Kitayama (1991) and her obedience towards the husband, protects self, husband dignity and care of the property, maintain and manage the wealth of the households, and as a driver and motivator. Hence, data for this article was gathered from a qualitative research design. The main instrument for obtaining data is through interview with the film director, U-Wei, and library research. The findings in this article reveal that Zaleha has both independent and interdependent self-construal traits. However, Zaleha's cognition, emotion, and motivation are more inclined towards the Western values, which are independent self-construal.

Thus, the analysis of this study confirms Zawawi's claim that Zaleha is a Western woman trapped in the body of an Eastern woman.

Keywords: *Role of the wife, self-construal, film criticism, Malay film, U-Wei Haji Saari.*

PENGENALAN

Perempuan, Isteri & ... (1993) adalah filem sulung arahan pengarah Melayu tempatan, U-Wei Haji Saari. Filem ini pernah mencetuskan polemik dan kontroversi yang menggemparkan industri perfileman tanah air tentang pemaparan imej protagonis wanitanya. Walau bagaimanapun, filem ini tetap menerima pengiktirafan dalam festival filem yang dianjurkan di peringkat nasional. Misalnya, pada Festival Filem Malaysia (FFM) ke-11, filem ini memenangi anugerah dalam enam kategori yang dipertandingkan. Antaranya ialah kategori Filem Terbaik, Pengarah Terbaik, Lakon Layar Terbaik, Cerita Asal Terbaik, Pelakon Lelaki Terbaik dan Anugerah Khas Juri. Filem ini turut mewakili Malaysia di Festival Filem Antarabangsa Pyongyang pada tahun 1994 di Korea Utara (Badrul Redzuan & Faridah, 2011; Mahadi, 2006; Ngo, 2010).

U-Wei mengangkat watak Zaleha sebagai protagonis wanita Melayu dalam filem ini. Walaupun Zaleha memegang tiga peranan iaitu sebagai seorang anak, isteri dan anggota masyarakat, tetapi peranannya yang lebih dominan adalah sebagai seorang isteri. Penulisan-penulisan lepas tentang Zaleha banyak melabelkan watak ini sebagai individu yang berani, seksual, liar, panas, berahi, pendendam dan memberontak (Gaik, 1999; Hanita, 2011; Ngo, 2010; Wan Zawawi, 2003). U-Wei (2016) pula secara peribadi menepis dakwaan negatif tentang watak Zaleha dengan menegaskan watak sulungnya bukan *devil* tetapi adalah *survivor* yang meneruskan hidup setelah segala impiannya musnah. Lanjutan pemaparan imej yang sedemikian, Zawawi (2004) pula mengatakan bahawa Zaleha telah disuntik dengan ciri-ciri wanita Barat yang terperangkap di sebalik pakaian dan bahasa badan wanita Timur.

Pandangan yang pelbagai tentang protagonis sulung U-Wei oleh para sarjana dan pengkritik-pengkritik filem, secara tidak langsung mendorong penelitian terhadap *self-construal* watak ini. Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan menemukan jawapan dengan lebih terperinci tentang identiti sebenar watak Zaleha yang digarap sutradaranya. Persoalan yang ingin dijawab melalui artikel ini adalah "apakah bentuk 'pembentukan diri' (*self-construal*) watak Zaleha yang dipaparkan sebagai isteri oleh U-Wei Haji Saari dalam filem *Perempuan, Isteri & ...?*". Untuk meneliti *self-construal* watak Zaleha, maka peranan wanita sebagai isteri adalah konteks yang paling sesuai bagi memperoleh jawapan dengan lebih komprehensif.

TINJAUAN KAJIAN LEPAS

Terdapat sejumlah kajian lepas yang relevan dan seiring dengan tujuan utama artikel ini dilaksanakan. Sebelum ini, sudah terdapat penulisan-penulisan yang mengkaji tentang wanita Melayu dalam bidang perfileman (Azlina & Jamaluddin, 2013; Azlina, 2015; Fuziah Kartini & Faridah, 2004; Noor Aida & Nasihah, 2015; Nur Azliza et al., 2016; Nur Nafishah, 2015). Keenam-enam penulisan tersebut ditemui dalam artikel jurnal, tesis di peringkat Sarjana Sastera dan Sarjana Falsafah serta kertas kerja dalam prosiding. Fokus perbincangan mereka adalah tentang watak wanita dalam filem Melayu yang bergenre seram, komedi, melodrama serta filem animasi kanak-kanak.

Selain itu, terdapat juga kepustakaan yang memberi tumpuan pada watak protagonis wanita dalam filem *Perempuan, Isteri &...* (1993). Terdapat tujuh buah penulisan iaitu penulisan bab dalam buku, tesis di peringkat Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah, artikel jurnal dan kertas kerja (Gaik, 1999; Hanita, 2011; Nur Azliza et al., 2017; Ngo, 2010; Wan Zawawi, 2003; William van Der Heide, 2002; Zawawi, 2004). Tulisan-tulisan tersebut membincangkan watak Zaleha dari pelbagai perspektif antaranya imej, kesan kemodenan dan pembebasan wanita, pembinaan watak protagonis, identiti, adat, budaya, seksisme serta pembentukan seksualiti. Daripada sejumlah kajian lepas yang dinyatakan, hanya satu penulisan sahaja yang relevan diperbincangkan dalam bahagian ini.

Oleh itu, artikel Zawawi Ibrahim (2004) yang berjudul “On Erma Fatima’s the last Malay woman: Gendering discourses on reclaiming Malayness in the new Malaysian cinema” membincangkan tentang watak dan identiti wanita Melayu. Secara terang-terangan, Zawawi memfokuskan tentang filem *Perempuan Melayu Terakhir* (1999). Namun demikian, di bahagian konklusi artikelnya turut memperkatakan tentang watak Zaleha dalam filem *Perempuan, Isteri &...* (1993). Kenyataan Zawawi adalah bahawa U-Wei menggarap Zaleha sebagai wanita Barat yang di dalamnya diselubungi dengan pakaian dan bahasa badan wanita Timur. Kenyataan tersebut adalah bersumberkan kritikan dan penolakan daripada sekumpulan wanita yang melabelkan protagonis wanita U-Wei jauh tersasar daripada konsep wanita Melayu. Justeru, sorotan literatur ini adalah bermakna sebagai sokongan kepada permasalahan kajian, sehingga artikel ini begitu penting untuk dilaksanakan.

Sementara itu, teori *self-construal* yang dirintis oleh Markus dan Kitayama (1991) cenderung diaplikasikan secara meluas. Bukan sahaja dalam bidang psikologi, malahan dalam bidang penyelidikan pengguna dan komunikasi (Chao, 1995; Duclos & Barasch, 2014; Wong, 2002). Walau bagaimanapun, pengaplikasian teori ini dalam bidang pengkajian filem masih lagi terbatas. Setakat ini, hanya ditemui dalam artikel yang dilaksanakan oleh Nur Azliza dan Nur Afifah Vanitha (2019). Biarpun kajiannya tidak membincangkan tentang watak protagonis Zaleha, tetapi watak protagonis U-Wei yang lain tetap menjadi subjek kajiannya.

Nur Azliza dan Nur Afifah Vanitha (2019) dalam artikel jurnal mereka berjudul “*Self-construal* watak protagonis wanita dalam filem Melayu” dengan permasalahan kajiannya tentang watak-watak protagonis wanita U-Wei yang seringkali mengundang kontroversi. Teori *self-construal* oleh Markus dan Kitayama (1991) diaplikasikan sebagai kerangka analisis bagi merungkaikan identiti Zaiton sama ada terarah kepada *self-construal interdependent* ataupun *independent*. *Self-construal* Zaiton ini dikaji peranannya sebagai seorang anak, isteri dan anggota masyarakat. Kajiannya berhasrat menjawab persoalan tentang, “apakah bentuk *self-construal* Zaiton sebagai seorang anak, isteri dan anggota masyarakat dalam filem *Buai Laju-Laju?*” Data dikumpulkan daripada kajian jenis fundamental dengan reka bentuk kajian kualitatif. Temu bual dengan U-Wei adalah instrumen utama dalam kajian ini, selain analisis kandungan terhadap filem *Buai Laju-Laju* dan kajian kepustakaan. Dapatkan kajiannya menunjukkan bahawa Zaiton banyak mengambil kira keputusan, perasaan dan matlamatnya sendiri berbanding dengan orang lain. Menurut pengkaji ini, tidak hairanlah jika watak Zaiton secara keseluruhannya cenderung kepada *self-construal* Barat. Titik persamaan kajiannya dengan kajian ini apabila mengaplikasikan kerangka analisis dan metodologi kajian yang serupa. Sementara perbezaannya pula apabila kajiannya mengkaji tentang watak Zaiton dalam filem kelima U-Wei dengan peranan yang multidimensi. Sedangkan kajian ini

menganalisis watak Zaleha dengan peranan sebagai isteri dalam filem pertama U-Wei, yang sehingga kini tidak putus-putus diperkatakan dan diperbincangkan sejak kemunculannya di layar perak pada tahun 1993.

Bersandarkan peranan sebagai seorang isteri, terdapat beberapa kajian lepas yang lebih awal mengaplikasikan peranan wanita menurut perspektif Islam. Sama ada sebagai kerangka utama kajian mahupun konteks perbincangan untuk mengupas peranan wanita (Asyraf et al., 2010; Nur Afifah Vanitha, 1997; Shikin, 2013). Pengaplikasian peranan wanita berlandaskan perspektif Islam tersebut telah ditemukan dalam artikel jurnal dan tesis di peringkat sarjana. Walau bagaimanapun, hanya penulisan oleh Nur Afifah Vanitha (1997) dan Shikin (2013) sahaja yang diperbincangkan kerana subjek kajian kedua-dua penulisan lepas tersebut memiliki persamaan dengan artikel ini iaitu peranan wanita Islam.

"Welcoming Nora and Hedda to Malaysian Theatre" adalah tesis sarjana yang disempurnakan oleh Nur Afifah Vanitha (1997). Pengkaji ini meneliti dua skrip drama pentas iaitu *A Doll House* (1879) dan *Hedda Gabler* (1890) oleh Hendrick Ibsen berlandaskan perspektif Islam untuk mengesahkan kesesuaiannya jika dipentaskan kepada khalayak Muslim di Malaysia. Oleh kerana watak protagonis bagi kedua-dua skrip tersebut adalah wanita, maka pengkaji ini telah mengaplikasikan peranan dan tanggungjawab wanita Islam sebagai anak, isteri dan ibu sebagai kerangka perbincangannya. Melalui reka bentuk kajian kualitatif dan perspektif Islam sebagai kerangka analisis, kedua-dua drama Barat tersebut didapati sesuai dipentaskan untuk penonton teater di Malaysia. Tambahan lagi, isu berkaitan peranan wanita sebagai anak, isteri dan ibu seperti yang dikemukakan oleh Hendrick Ibsen dapat dijadikan sempadan oleh masyarakat Muslim di Malaysia. Hasil dapatan juga mengesahkan bahawa kedua-dua drama ini sebenarnya membantu dalam memperkuuhkan kefahaman terhadap ajaran Islam dalam konteks peranan gender. Persamaan kajiannya dengan artikel ini adalah kerana memfokuskan peranan wanita sebagai isteri. Perbezaannya pula apabila kajiannya menjadikan peranan wanita yang bersandarkan al-Quran dan al-sunah sebagai kerangka utama penelitian. Sedangkan, kerangka analisis utama kajian ini adalah teori *self-construal* oleh Markus dan Kitayama dan peranan wanita hanya sebagai konteks perbincangan sahaja. Walau bagaimanapun, tesis ini menyumbang kefahaman tentang tanggungjawab-tanggungjawab sebagai seorang isteri, sekali gus memudahkan untuk pengkaji menganalisis watak Zaleha yang digarap sebagai isteri Melayu Islam.

Terdapat satu lagi tesis sarjana oleh Shikin Ali (2013) dengan tajuk, "Isteri mithali: Satu kajian persepsi isteri dalam novel dan masyarakat Melayu" yang telah menggunakan pakai perspektif Islam sebagai kerangka analisis. Kajiannya bersandarkan kepada pendekatan kualitatif serta mengaplikasikan teori patriarki dan tradisionalisme sebagai pegangan kajian. Dapatan kajian mengesahkan bahawa novel-novel Melayu dan adaptasi novel ke filem Melayu hingga mencapai tahap *box office*, telah memaparkan dan mencerminkan imej isteri mithali seperti yang digariskan oleh ajaran Islam. Hasil dapatan kedua menunjukkan bahawa terdapat beberapa kemungkinan situasi ini menjadi perangsang kepada segelintir wanita dalam masyarakat agar menjadi seorang isteri mithali yang ideal. Persamaan kedua-dua kajian ini apabila memfokuskan kepada peranan isteri. Walau bagaimanapun, kerangka perbincangan yang menjadi landasan perbahasannya adalah berbeza dengan artikel ini apabila membahagikan kepada taat setia, patuh, jujur, sabar, sedia berkorban dan mudah memaafkan. Biarpun begitu, tesis ini masih mempunyai sumbangannya kepada artikel ini apabila membantu dari sudut tugas-tugas yang perlu dilaksanakan bagi seorang isteri.

Penelitian terhadap kajian-kajian lepas setakat ini membuktikan bahawa pengaplikasian teori *self-construal* dalam konteks peranan wanita amat terhad dalam bidang pengkajian filem. Justeru, gabungan kedua-duanya ini adalah usaha rintis bagi memahami dan memperjelaskan watak fiksyen dalam bidang pengkajian filem.

METODOLOGI KAJIAN

Data utama bagi artikel ini diperoleh melalui kajian berbentuk penyelidikan asas dengan menggunakan reka bentuk pendekatan kualitatif. Temu bual adalah instrumen utama untuk mengumpulkan data dalam kajian ini, selain menganalisis filem *Perempuan, Isteri &...* (1993). Informan utama kajian ini adalah penulis lakon layar dan pengarah filem *Perempuan, Isteri &...* (1993) iaitu U-Wei Haji Saari. Analisis kandungan turut dilakukan terhadap filem ini yang telah dimuat turun dari internet (*YouTube*). Penulisan-penulisan berbentuk akademik dan popular yang membincangkan filem yang dikaji, U-Wei dan teori *self-construal* turut diteliti dan dijadikan sumber untuk memperoleh data.

Teori *self-construal* yang dipelopori oleh Markus dan Kitayama (1991) telah dipilih sebagai kerangka analisis dalam kajian ini. Teori yang lahir dari bidang psikologi iaitu dari sub cabang identiti adalah bertujuan untuk memaknakan atau menentukan diri sendiri. Sama ada mentakrifkan diri secara bebas (*self-construal independent*) atau saling bergantung diri (*self-construal interdependent*). Konsep *independent* adalah individu yang dikaitkan dengan budaya Barat, sementara konsep *interdependent* pula dihubungkan dengan budaya Timur. Ciri-ciri konsep *independent* adalah pertama; memberi tumpuan kepada sifat-sifat dalaman, kedua; memandang diri mereka sebagai unik, ketiga; berkemampuan untuk mengekspresikan diri, keempat; menyedari sifat-sifat dalaman yang dimiliki, kelima; menggalakkan matlamat sendiri, keenam; mengatakan secara langsung tentang sesuatu yang terdapat dalam fikirannya dan ketujuh; hubungan diri dengan orang lain adalah sebagai penilaian diri (*self-evaluation*). Sementara ciri-ciri konsep *interdependent* pula adalah pertama; memfokuskan sifat *external* (status, peranan dan hubungan), kedua; berusaha menyesuaikan diri, ketiga; menduduki tempat atau kedudukan yang sewajarnya, keempat; memenuhi harapan atau matlamat individu lain, kelima; membaca pemikiran individu lain secara tidak langsung dan keenam; hubungan diri dengan orang lain adalah untuk mendefinisikan diri (*self-definition*). Lanjutan itu, menurut Markus dan Kitayama terdapat perbezaan khusus antara kedua-dua konsep tersebut iaitu dari sudut kognisi, emosi dan motivasi.

Pada dasarnya, teori *self-construal* ini diaplikasikan kepada manusia yang hidup. Bagi artikel ini pula, ia diaplikasikan untuk mengkaji watak dalam medium filem. Oleh itu, temu bual bersama-sama pengarah filem *Perempuan, Isteri & ...* penting dilakukan kerana U-Wei yang telah mengkonstruksi dan menghidupkan watak Zaleha di layar perak. Bagi menyesuaikan teori ini dengan kajian filem, maka terdapat beberapa penambahan kaedah pengaplikasian terhadap aspek kognisi, emosi dan motivasi. Sehubungan dengan itu, ketigatiga domain tersebut bukan sahaja bersumberkan pengarah filem ini tetapi juga diperoleh menerusi aksi, ekspresi wajah dan tindakan watak itu sendiri.

Meskipun teori *self-construal* ini cenderung diaplikasikan dalam kajian yang berbentuk kuantitatif, terdapat juga kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan pakai teori ini iaitu oleh Walsh et al. (2003) serta Tawa dan Suyemoto (2010). Kedua-dua kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian ini apabila mengaplikasikan temu bual

(secara bersemuka dan dalam talian) sebagai instrumen utama untuk memperoleh data bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan.

Bagi meneliti *self-construal* watak Zaleha yang direpresentasikan sebagai isteri Melayu Islam, maka kajian bersandarkan kepada konteks peranan wanita menurut perspektif Islam. Oleh yang demikian, penelitian terhadap *self-construal* Zaleha dibincangkan berdasarkan empat tanggungjawab iaitu pertama; taat kepada suami, kedua; menjaga maruah diri, suami dan harta benda, ketiga; menguruskan rumah tangga dan keempat; sebagai pendorong dan pemberi motivasi. Pembahagian ini adalah berdasarkan beberapa sumber yang diperoleh daripada penulisan-penulisan seperti Shahnaz Begum (2004), Saleha (1999), Habsah (1996), M. Abdul Goffar (1997), dan Ridha Bak Najjad (2002).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Zaleha dalam filem *Perempuan, Isteri &...* (1993) memegang peranan yang multidimensi iaitu sebagai anak, isteri dan anggota masyarakat. Walau bagaimanapun, dalam artikel ini hanya peranan Zaleha sebagai isteri sahaja yang dianalisis secara kritis. Sesuai dengan judul filem ini, secara terang-terangan pengarah filem *Perempuan, Isteri &...* mengangkat watak Zaleha sebagai isteri. Dikatakan sedemikian kerana 'perempuan' dalam filem ini merujuk watak Zaleha yang masih berstatus gadis. Pada masa yang sama, 'perempuan' juga adalah Zaleha yang menggalas peranan sebagai isteri. Begitu juga dengan 'jalang' atau sinonim maknanya dengan liar dan jahat pula lebih jelas pada watak Zaleha yang berstatus isteri. Apatah lagi, Zaleha yang memegang peranan sebagai isteri dipaparkan lebih 95% daripada keseluruhan masa tayangan filem ini. Buktinya, peringkat permulaan filem ini memaparkan Zaleha sebagai anak sehingga pada minit 06.30. Zaleha yang bergelar isteri pula dapat ditemui pada durasi masa 06:56 sehingga tamatnya cerita ini. Zaleha sebagai anggota masyarakat pula dapat ditemui dalam kedua-dua peranan tersebut. Oleh yang demikian, watak Zaleha sebagai isteri diberi keutamaan untuk diperbincangkan dalam artikel ini berbanding dua peranannya yang lain.

Zaleha mendapat gelaran isteri sebanyak dua kali dalam filem ini. Pertama; Zaleha bernikah dengan Jalil dan kedua; dengan Amir iaitu selepas kematian Jalil. Walau bagaimanapun, tempoh Zaleha bergelar isteri kepada Jalil adalah terlalu singkat. Hal ini disebabkan suaminya mati dalam keadaan yang amat tragis apabila ditembak mati oleh Amir. Zaleha kemudiannya bernikah dengan Amir, rentetan kedua-duanya ditangkap khalwat yang berpunca daripada rancangan Zaleha sendiri. Lantaran itu, peranan Zaleha sebagai isteri lebih jelas apabila berkahwin dengan Amir. Dalam Islam, seorang isteri yang solehah mempunyai beberapa tanggungjawab yang harus dilunaskan. Maka, watak Zaleha ini dianalisis bersandarkan taat kepada suami, menjaga maruah diri, suami dan harta benda, menguruskan rumah tangga serta menjadi pendorong dan pemberi motivasi.

TAAT KEPADA SUAMI

Menolak Kemahuan atau Hajat Suami

Berlandaskan tanggungjawab taat kepada suami, Zaleha telah menolak untuk melayani kemahuan seks suaminya dengan mencipta alasan yang bagi pandangannya adalah munasabah. Sedangkan, pada ketika itu Zaleha berada dalam keadaan yang sihat. Buktinya, Zaleha sempat menghisap rokok sambil membaca majalah, selain berupaya untuk bertemu dengan Tapa.

Dari sudut pola kognisi, Zaleha menolak kemahuan Amir secara spontan berbanding bersetuju untuk memuaskan tuntutan batin suaminya. Untuk mengelakkan dirinya daripada terperangkap dengan pujuk-rayu Amir, Zaleha sengaja memberikan alasan dan segera meninggalkan Amir berseorangan di bilik. Zaleha gembira dan berpuas hati apabila berjaya menolak kemahuan Amir. Selari seperti yang disebut U-Wei (2016), kegembiraan Zaleha semakin bertambah apabila mendapati Amir yang kecewa. Pendorong Zaleha yang berbuat demikian adalah untuk membala dendam kepada Amir. Hal ini demikian kerana selama ini Zaleha banyak sekali ditindas sama ada dalam bentuk mental mahupun fizikal, sebelum mahupun selepas mereka bernikah. Meskipun membiarkan Amir ‘kempunan’ seks masih belum dapat menghilangkan rasa dendamnya, tetapi untuk permulaan ia sudah memadai jika Amir rasa tersebut dengan layanannya.

Keluar Rumah Tanpa Izin Suami

Zaleha juga bertindak keluar dari rumah tanpa izin dan pengetahuan suaminya. Hal ini dapat dibuktikan apabila Zaleha bukan sahaja ke rumah jiran tetangganya, pergi ke sungai di sekitar kampung, bahkan ke bandar bersama-sama jirannya, Kamariah berserta anak-anaknya. Selain itu, Zaleha juga bertindak keluar dari rumah semata-mata untuk bertemu kekasih gelapnya iaitu Tapa.

Sehubungan dengan itu, Zaleha nekad memilih untuk keluar dari rumah tanpa izin dan pengetahuan suaminya. Biarpun, Zaleha pernah ditegah suaminya agar tidak lagi ke bandar tetapi dia memilih pula untuk ke tempat berdekatan iaitu di sekeliling kampung. Sepanjang Zaleha keluar tanpa izin suaminya, dia dalam keadaan yang gembira, terhibur dan puas. Jauh sekali untuk Zaleha berasa bimbang, bersalah dan takut jika dia yang keluar rumah diketahui oleh suaminya. Zaleha yang pergi ke tempat-tempat yang diingininya adalah bermatlamatkan untuk bebas dari kongkongan Amir. Hal ini demikian kerana ketika bergelar isteri kepada Jalil, pergerakannya adalah terbatas kerana dia muh menyembunyikan diri daripada Amir dan ahli keluarganya. Begitu juga ketika dia bergelar pelacur apabila dia masih lagi dikawal Amir dan ‘bapa ayam’. Apabila bergelar isteri kepada Amir, dia menggunakan peluang yang ada dengan sebaik-baiknya untuk mengelakkan dia sekali lagi menjadi ‘mangsa’ kurungan lelaki tersebut.

Tidak Menghormati Ahli Keluarga Suami

Sepanjang filem ini, U-Wei tidak memaparkan tentang kehadiran ibu bapa Amir. Oleh itu, saudara terdekat bagi suaminya ialah abang kandungnya, Halim dan kakak iparnya, Sabariah. Berkaitan dengan soal ini, Zaleha digambarkan sebagai seorang isteri yang tidak pandai menghormati ahli keluarga suaminya. Dikatakan sedemikian kerana Zaleha adalah punca kepada pertelingkahannya dengan Amir, yang berlaku di hadapan ipar-duainya. Sedangkan, itulah kali pertama mereka bertandang ke rumah kedua-dua pasangan ini selepas bertukar status sebagai suami isteri.

Merujuk elemen kognisi, Zaleha tidak terfikir untuk menitikberatkan rasa hormat kepada ahli keluarga Amir. Tambahan pula, U-Wei (2016) mengatakan bahawa terdapat babak yang dipotong oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) tentang Zaleha yang menggoda abang iparnya iaitu Halim. Emosi Zaleha ketika berbuat baik dengan ahli keluarga Amir sebelum ini secara luarannya adalah begitu gembira dan teruja. Lebih-lebih lagi, kakak iparnya iaitu Sabariah melayannya dengan begitu baik sekali. Walau bagaimanapun, situasi yang sebenarnya dia sedang berpura-pura. Secara jelasnya, motivasi Zaleha adalah untuk

membalas dendam kepada Amir. Zaleha percaya jika orang lain tidak menyedari tentang agendanya, adalah mudah untuknya memporak-perandakan rumahtangga abang dan kakak ipar Amir. Sedikit-sebanyak hal tersebut akan memberi kesan kepada Amir, walhal sebelum ini dia memiliki sebuah keluarga yang bahagia dan harmoni.

Mematuhi Arahan Suami

Terdapat juga tindakan Zaleha yang mematuhi arahan daripada suaminya. Ia berlaku sebanyak tiga kali sepanjang dirinya bergelar isteri kepada Amir. Pertama; Zaleha tetap patuh dengan arahan Amir yang mengarahkannya supaya menghentikan segala pertanyaan kepadanya. Kedua; Zaleha juga didapati patuh dengan kehendak Amir yang melarang dirinya agar tidak lagi pergi ke pekan. Ketiga; Zaleha segera ke kedai membeli garam seperti dipaksa Amir, gara-gara dia yang telah melakukan kecuaian apabila makanan yang dimasaknya tidak menepati cita rasa suaminya.

Berdasarkan pola kognisi, biarpun arahan Amir bertentangan dengan kehendak hatinya tetapi dia tetap menuruti setiap arahan suaminya itu tanpa sebarang bantahan. Secara terang-terangan, Zaleha berasa geram, marah, benci dan tidak berpuas hati dengan layanan Amir terhadapnya. Walau bagaimanapun, Zaleha tiada kemampuan untuk mengekspresikan perasaannya yang sebenar selain perlu mengingatkan dirinya agar terus bersabar. Matlamat Zaleha yang sebenar adalah semata-mata untuk keselamatan dirinya. Jika dia ingkar dengan arahan Amir, sudah pasti lelaki tersebut menganggap wanita itu mahu mencabarnya. Lanjutan itu, dia sekali lagi akan menjadi mangsa penindasan lelaki tersebut. Untuk mengelakkan semua itu berlaku, buat sementara waktu Zaleha perlu mematuhi arahan dan kehendak suaminya itu.

Meninggikan Suara Kepada Suami

Pada peringkat permulaan dan pertengahan filem ini, Zaleha tidak pernah sesekali meninggikan suara kepada suaminya. Walau bagaimanapun, pada minit-minit terakhir filem ini Zaleha didapati telah meninggikan suara. Kejadian tersebut bermula apabila Zaleha telah didesak berkali-kali oleh Amir. Hal ini demikian kerana lelaki itu menganggap Zaleha tidak pernah serik dan insaf apabila sekali lagi menjatuhkan maruahnya sebagai seorang lelaki dan suami di hadapan penduduk kampung.

Zaleha didapati mengambil keputusan yang terburu-buru dengan meninggikan suara berbanding menjawab pertanyaan daripada suaminya dengan nada yang sesuai. Walhal, pada awalnya Zaleha mahu memilih dengan mendiamkan diri sahaja. Pada ketika itu, Zaleha sudah tidak mempedulikan perasaan takutnya kepada Amir gara-gara dia yang mempunyai skandal dengan Tapa. Maka, dia telah bertindak meninggikan suara semata-mata untuk melepaskan rasa geram, sakit hati dan marah di atas tindakan Amir terhadapnya. Zaleha yang berbuat demikian kerana mahu menentang Amir. Selagi dia tidak bertindak, selagi itu Amir terus menghinanya. Seperti yang dinyatakan U-Wei (2016), Zaleha menetapkan matlamatnya yang sebeginu kerana begitu terkesan apabila Amir membunuh suaminya, Jalil, memperkosanya, bahkan menjualnya kepada 'bapa ayam' sebagai pelacur.

Berbohong Kepada Suami

Seterusnya, Zaleha telah bertindak dengan berbohong kepada suaminya. Kejadian bermula apabila dia melihat reaksi Amir yang baru sahaja pulang dari berniaga, seolah-olah seperti ada sesuatu yang tidak kena. Memandangkan secara kebetulan dirinya yang ke bandar

bersama-sama Kamariah telah riuh diperkatakan oleh orang kampung, maka Zaleha dapat mengagak perubahan reaksi Amir ada kaitannya dengan hal tersebut.

Oleh itu, Zaleha mendapat idea untuk berbohong kepada Amir biarpun dia sedar suaminya sudah mengetahui tentang perkara-perkara yang dilakukannya ketika di pekan. Selagi suaminya tidak melihat perlakuannya sendiri di depan mata, Zaleha berusaha untuk tidak sesekali mengaku salah. Meskipun begitu, Zaleha tetap berasa gementar dan takut dengan tindakan beraninya itu. Perasaan tersebut timbul kerana dibimbangi perkara yang sebenar akan terbongkar dan Zaleha akan mendapat padah daripada pembohongannya itu. Zaleha yang mengambil risiko besar tersebut adalah semata-mata untuk melindungi keselamatan dirinya. Dia percaya jika dia berkata benar, sudah pasti Amir tidak akan melepaskannya, malah dia dihukum dengan hukuman yang lebih dahsyat berbanding dengan sebelum ini.

Menganiaya Suami

Zaleha telah menyediakan makanan yang kotor dan jijik kepada suaminya. Pengesahannya adalah menerusi Zaleha yang bertindak menjamu Amir dengan ‘nasi kangkang’ atau dikenali juga sebagai ‘nasi tangas’. Terdapat babak ketika Zaleha menyediakan ‘nasi kangkang’, tetapi durasi masa tidak dapat dinyatakan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana pengkaji melakukan penontonan terhadap filem *Perempuan, Isteri &...* (1993) yang telah ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF). Setelah Zaleha menyiapkan ‘nasi kangkang’ tersebut, dia menjamu kepada suaminya tanpa Amir mengesyaki isterinya itu mahu menganiaya dirinya.

Zaleha yang memberikan suaminya ‘nasi kangkang’ adalah berpunca daripada layanan suaminya, Amir. Zaleha beranggapan bahawa ilmu songsang yang dipraktikkannya adalah berkesan dalam menundukkan suaminya yang sering melakukan penindasan kepadanya. Dalam situasi ini, emosi Zaleha merangkumi perasaan gembira dan puas. Dari sudut motivasi pula, U-Wei (2016) mengatakan terserah tindakannya yang berjuang untuk hidup bebas dan membala dendam. Selagi mana Zaleha tidak berbuat demikian, selagi itu dia yang bergelar isteri kepada Amir akan sentiasa dikongkong, malahan didera. Jika dia tersilap langkah, sudah pasti Zaleha akan menerima hukuman. Untuk mengelakkan semua itu terjadi, Zaleha mengambil langkah segera dengan memberikan suaminya ‘nasi kangkang’.

MENJAGA MARUAH DIRI, SUAMI DAN HARTA BENDA

Mendedahkan Aurat

Berpandukan tanggungjawab ini pula, Zaleha adalah seorang individu yang gemar menampakkan kecantikan dan keindahan tubuhnya. Antara bukti kukuh yang menunjukkan bahawa Zaleha adalah seperti diperkatakan adalah babak ketika Majid yang datang ke rumahnya untuk menagih hutang. Pada ketika itu, Zaleha yang berkembang sengaja melengah-lengahkan untuk menutupi tubuhnya daripada pandangan mata lelaki tersebut.

Dalam situasi ini, pembikin filem ini tidak menafikan bahawa Zaleha memilih untuk memperagakan kecantikannya secara berlebih-lebihan. Pertimbangan Zaleha sememangnya tidak terarah untuk menuruti aturan Islam seperti melindungi bahagian-bahagian anggota badan yang dikatakan sebagai aurat. Emosi pada watak Zaleha ini pula dikatakan lebih menjurus kepada perasaan gembira, puas dan tidak segan-silu apabila memakai pakaian yang terdedah. Selain turut berasa bangga apabila dia menjadi tumpuan lelaki lain selain daripada suaminya. Matlamat Zaleha adalah untuk menarik perhatian lelaki lain dengan

tujuan mempergunakan mereka. Bukan sahaja untuk mendapat barang-barang yang dimahukan, kepuasan seks, malah mempergunakan mereka sebagai orang suruhan untuk membala dendam kepada Amir.

Mengundang Lelaki ke Rumah Tanpa Izin Suami

Selain itu, tindakan Zaleha yang membawa masuk lelaki yang bukan mahram ke rumahnya sememangnya tidak mendapat keizinan, malahan tidak diketahui suaminya. Buktinya, Zaleha mengundang penjual kain, Majid, ke rumahnya semasa ketiadaan suaminya yang pergi berniaga.

Merujuk pola kognisi, Zaleha memilih menerima tetamu, Majid, tanpa memohon izin atau restu daripada suaminya terlebih dahulu. Bagi U-Wei (2016), Zaleha membuat pertimbangan tersebut berlandaskan keputusannya semata-mata tanpa dipengaruhi oleh individu lain. Sehingga, tiada perasaan ragu-ragu dan takut dengan tindakannya yang boleh menimbulkan fitnah masyarakat sekeliling, mampu menggugat keharmonian institusi rumah tangga, bahkan mengundang dosa. Zaleha yang berbuat demikian adalah untuk mendapat kain-kain dan barang-barang yang diinginkannya. Jika dia tidak bertindak sedemikian, sudah pasti kemahuannya itu tidak dapat direalisasikan memandangkan dia sedar suaminya, Amir tidak mengambil tahu tentang keperluan dirinya.

Membuka Rahsia Rumahtangga

Zaleha turut menjatuhkan maruah suami di hadapan tetamu dengan membuka rahsia yang berkaitan dengan rumah tangga mereka. Walaupun tetamunya adalah terdiri daripada ahli keluarga, iaitu Halim dan Sabariah, namun adalah tidak elok jika Zaleha membuka aib suaminya. Hal ini demikian kerana sedikit-sebanyak akan menyingkap kelemahan suaminya di mata keluarganya sendiri.

Sutradara filem ini memperakarkan bahawa Zaleha tidak memilih untuk berbincang secara baik tentang sesuatu yang dihajatinya demi kebaikan rumah tangga mereka. Sebaliknya, Zaleha memilih dengan meluahkan permasalahannya di hadapan tetamu tanpa memikirkan persepsi buruk yang bakal diterima. Walau Zaleha berasa sedih, takut dan terkejut dengan tindakan Amir yang di luar jangkaan, tetapi dia masih berani meluahkan tentang keinginan yang sudah lama dipendamkannya. Motivasi diri Zaleha yang membuka aib suaminya sehingga diketahui oleh ipar-duai, dikatakan kerana muh keperluan asas seperti pakaian dipenuhi. Jika dia tidak bertindak, dia percaya Amir tetap dengan egonya dan membiarkan Zaleha tanpa nafkah zahir yang mencukupi. Sedangkan, Amir didapati masih berkemampuan menyara hidup isterinya tanpa sebarang masalah.

Tidak Memelihara Pandangan Mata

Zaleha juga tidak memelihara pandangan matanya apabila melihat lelaki yang bukan mahram. Bukti Zaleha berbuat demikian apabila dia bermain mata dengan pemuda yang bekerja sebagai pemandu lori yang dikenalinya di sebuah restoran. Seterusnya, Zaleha sengaja mencuri pandang Tapa yang sedang menjemur sekerap getah secara berlama-lamaan. Zaleha tidak terkecuali memandang pemuda yang bernama Bakri yang disangka berminat dengannya. Walhal, pemuda tersebut adalah kekasih kepada gadis kampung iaitu Minah.

Pertimbangan pola berfikir Zaleha adalah dengan memilih untuk memandang lelaki selain suaminya secara bebas, liar dan berlama-lamaan sama ada secara tersembunyi ataupun langsung. Emosi yang ditampilkan oleh Zaleha pula meliputi rasa terpesona, puas

dan girang. Penyimpangan peranan Zaleha terserlah apabila diperkuuhkan dengan kenyataan sutradara filem ini bahawa emosi positif telah digarap melalui perbuatan Zaleha yang memandang lelaki selain daripada suaminya. Zaleha yang bertingkah laku seperti itu adalah untuk memenuhi keperluan sosialnya semata-mata. Berdasarkan tujuan tersebut, Zaleha mahu lelaki-lelaki terbabit tertarik kepadanya, sekali gus terlibat dengan skandal. Dengan itu, Amir yang menyangka Zaleha telah berubah sikap, pasti akan berasa kecewa apabila mendapat tahu isterinya menjalinkan hubungan terlarang dengan lelaki lain.

Menggoda, Berkhalwat Dan Berzina

Zaleha juga telah menggoda, berkhalwat sehingga ke tahap melakukan zina. Antaranya dengan Amir yang pada ketika itu Zaleha bergelar bekas isteri kepada Jalil. Hal serupa juga berlaku dalam hubungannya dengan ‘bapa ayam’, pemuda yang bekerja sebagai pemandu lori, Majid yang merupakan ‘penjual kain’ dan Tapa yang merupakan lelaki ‘lurus bendul’.

Pengarah filem ini mengatakan pola pemikiran Zaleha lebih terarah kepada mukadimah zina dan berzina berbanding memikirkan jalan untuk menghindarkan diri dari perbuatan tersebut. Zaleha yang berdua-duaan dengan Amir tidak berasa bimbang dan takut jika mereka dituduh berkhalwat. Sebaliknya, dia berasa gembira dan berpuas hati, lebih-lebih lagi Amir mengambil langkah untuk menikahinya. Menerusi hubungannya dengan Tapa, emosi Zaleha adalah dalam keadaan bahagia dan gembira. Ketika bersama-sama dengan Om Chai Peng pula, tidak dapat dinafikan Zaleha berasa takut sehingga Zaleha menyerahkan diri sebagai alat pemuas nafsu ‘bapa ayam’ tersebut. Dalam hubungan dengan Majid pula, emosi Zaleha lebih menjurus ke arah yang positif. Seperti yang diperkatakan U-Wei (2016), Zaleha yang bertindak sedemikian adalah untuk membala dendam kepada Amir kerana tidak menghargainya sebagai seorang isteri, selain mahu keluar dari ‘cengkaman’ atau ‘seksaan’ Amir. Tambahnya lagi, kelebihan seksualiti yang dimiliki Zaleha adalah ‘senjata’ dalam hubungannya dengan lelaki-lelaki tersebut.

Tidak Amanah Dalam Menjaga Harta Benda

Zaleha juga tidak bertanggungjawab dalam menjaga harta benda suaminya. Dalam konteks ini, harta benda yang dimaksudkan adalah berupa wang ringgit. Amir mengharapkan agar Zaleha menggunakan wang yang diberikannya untuk perbelanjaan dapur. Sebaliknya pula berlaku, Zaleha telah menyalahgunakan amanah yang diberikan suaminya itu dengan membelanjakan untuk membeli barang-barang peribadi.

Zaleha memilih untuk menggunakan wang pemberian suami dengan membelanjakan menurut kemahuannya. U-Wei (2016) mengatakan keutamaan Zaleha adalah membeli pakaian dan kasut berbanding membeli barang-barang untuk perbelanjaan dapur. Dia yang menggunakan wang suaminya ke arah sesuatu yang tidak bermanfaat, adalah tidak rasa bersalah, takut, bimbang atau timbul emosi negatif yang lainnya. Lanjutan itu, motivasi sebenar Zaleha berbuat demikian disebabkan dirinya yang mahu memenuhi keperluan fisiologinya. Dengan cara tersebut sahaja Zaleha dapat memperoleh sesuatu yang dihajati. Lebih-lebih lagi, dia sedar Amir adalah seorang suami yang sengaja tidak menjalankan tanggungjawab, gara-gara dia yang menikahi Zaleha adalah kerana terpaksa lanjutan mereka ditangkap khalwat.

MENGURUSKAN RUMAH TANGGA

Menguruskan Hal Ehwal Rumah Tangga

Di sebalik tindakan Zaleha yang tidak banyak melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang isteri, namun masih juga terdapat tanggungjawab yang dilaksanakan oleh Zaleha. Antaranya menguruskan hal-ehwal rumah tangga seperti mengemas rumah, menjemur pakaian dan menyediakan makan-minum buat suaminya, Amir.

Zaleha memutuskan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut, walhal ia adalah tugas seorang suami. Zaleha sedikit sebanyak telah membantu mengurangkan dan meringankan beban suaminya. Walaupun Amir memberi peringatan hanya sekali sahaja, Zaleha sudah dapat menguruskan rumah tangga tanpa campur tangan daripada suaminya lagi. Emosi Zaleha ketika melaksanakan tanggungjawabnya adalah dalam keadaan baik apabila dia tidak pernah merungut tentang tugas yang perlu dilakukannya setiap hari. Sebagaimana yang disebut U-Wei (2016), matlamat Zaleha adalah untuk membuktikan dia mampu menggalas tanggungjawab sebagai isteri sepertimana isteri yang lain. Hal ini bertitik-tolak daripada Amir yang hanya memperkecilkkan kemampuan Zaleha, sehingga menganggap wanita itu hanya mengetahui tugas-tugas sebagai seorang pelacur sahaja.

PENDORONG DAN PEMBERI MOTIVASI

Mengambil Kesempatan di atas Sikap Suami

Di bawah tanggungjawab ini pula, Zaleha telah mendorong suaminya untuk bermiaga sepertimana kebiasaan suaminya bermiaga dari pagi hingga lewat petang atau malam. Alasan kukuh yang dinyatakan Zaleha kepada Amir adalah kerana wang begitu penting untuk kelangsungan hidup mereka berdua.

Berpandukan konteks ini, bentuk pemikiran Zaleha adalah memilih untuk memujuk suaminya pergi bermiaga pada keesokan harinya. Oleh itu, U-Wei (2016) menjelaskan Zaleha berusaha mengubah keputusan Amir yang mahu pulang awal ke rumah kerana mahu berehat. Didapati Zaleha dalam keadaan yang tenang apabila memujuk Amir. Emosi Zaleha yang positif itu akhirnya berjaya mempengaruhi suaminya agar tetap bekerja seperti biasa. Sedangkan pada malam kejadian, kesihatan Amir adalah pada tahap yang kurang memuaskan. Zaleha yang bertindak sedemikian kerana mahu mengotakkan janjinya untuk bertemu dengan Tapa. Jika Zaleha tidak memujuk Amir, sudah pasti suaminya akan pulang awal dari bermiaga dan sekali gus menambahkan lagi kesukaran untuk bertemu dengan skandalnya.

Tidak Memaafkan Suami

Zaleha tidak dapat memaafkan kesalahan Amir, meskipun lelaki tersebut telah bergelar suami kepadanya. Hal ini bertitik-tolak selepas masa depannya menjadi gelap gara-gara suaminya, Jalil dibunuhi, dirinya diperkosa dan dilacurkan. Bukan itu sahaja, Zaleha juga telah dicaci-maki dengan perkataan-perkataan seperti 'pelacur', 'hanyir' dan 'bodoh'. Di samping itu, Amir turut mengenakan penindasan fizikal seperti menolak, meludah, mencengkam tangan dan menampar mukanya.

Zaleha tidak terfikir untuk memaafkan suaminya kerana banyak penghinaan dan kesakitan yang ditanggungnya seorang diri. Walau Amir sudah menunjukkan perubahan sikap gara-gara termakan 'nasi kangkang', tetapi Zaleha tetap tidak mengubah keputusannya. Merujuk emosi Zaleha pula, dia tetap berpegang kepada prinsipnya untuk tidak sesekali memaafkan Amir. Walau bagaimanapun, emosi sedemikian tidak diekspresikan secara terang-terangan kerana dibimbangi Amir bertindak keterlaluan

terhadapnya. Oleh itu, Zaleha yang bertindak sedemikian adalah semata-mata untuk membalas dendam. Tambahan pula, terlalu sukar untuknya memaafkan Amir kerana sebagaimana yang disebut U-Wei (2016), Zaleha menjadi perempuan yang ‘rosak’ atau tidak suci lagi, tidak lain dan tidak bukan adalah berpunca daripada Amir.

SELF-CONSTRUAL ZALEHA SEBAGAI SEORANG ISTERI

Tindakan Zaleha yang menolak kemahuan suami, keluar rumah tanpa izin suami, tidak menghormati ahli keluarga suami, meninggikan suara kepada suami, berbohong kepada suami, menganiaya suami, mendedahkan aurat, mengundang lelaki yang bukan mahram ke rumah, membuka rahsia rumahtangga, tidak mengawal pandangan mata, menggoda, berkhawlwat sehingga berzina, tidak amanah menjaga harta benda, mengambil kesempatan di atas sikap suami dan tidak memaafkan suami dikelompokkan sebagai *self-construal independent*. Tanggungjawab mematuhi arahan suami dan menguruskan hal ehwal rumahtangga pula dapat dikaitkan dengan *self-construal interdependent*. Biarpun Zaleha mempunyai kedua-dua bentuk *self-construal* tetapi kecenderungan Zaleha sebagai seorang isteri lebih terserlah sebagai *self-construal independent*. Hal ini demikian kerana 14 daripada 16 tindakannya telah menunjukkan dirinya yang lebih mengutamakan diri sendiri tanpa mempedulikan suaminya yang merupakan tunjang utama keluarga. Berdasarkan penemuan kajian ini menunjukkan bahawa pemaparan Zaleha yang begitu kontradiksi dan tidak konvensional berlandaskan budaya Melayu dan Islam adalah penyebab watak ini dikecam dan dikritik oleh segelintir wanita seperti yang diperkatakan dalam artikel, Ngo (2010) dan Zawawi (2004).

KESIMPULAN

Penelitian yang dibahaskan secara rinci ini menyimpulkan bahawa *self-construal* watak Zaleha yang dicipta oleh sutradara U-Wei sebagai seorang isteri cenderung ke arah Barat. Hal ini berpandukan peranan Zaleha berlandaskan empat tanggungjawab yang digariskan dalam Islam dan diperkuuhkan dengan domain kognisi, sisi emosi dan motivasi diri yang dibangunkan oleh Markus dan Kitayama (1991). Walaupun teori ini menjelaskan bahawa individu dalam kebudayaan Timur kebiasaannya mempamerkan *self-construal interdependent* tetapi pemaparan watak Zaleha sebagai isteri adalah sebaliknya. Dikatakan sedemikian kerana Zaleha yang digarap sebagai wanita Melayu Islam menjurus kepada *self-construal independent*. Oleh itu, didapati latar belakang diri, keluarga, pendidikan dan pengalaman penciptanya sendiri mempunyai pengaruh atau hubung kait dengan pembentukan diri watak Zaleha.

Dengan terhasilnya artikel ini, secara tidak langsung memperkayakan lagi khazanah ilmu pengetahuan dalam bidang kajian filem melalui gabungan pengaplikasian teori *self-construal* dan peranan wanita menurut perspektif Islam. Kajian ini secara efektifnya mampu menjadi rujukan dan titik permulaan kepada para penyelidik untuk mengkaji tentang watak, dengan meneliti dari sudut psikologi watak dan latar belakang individu yang mengkonstruknya. Selain itu, artikel ini juga bukan hanya dirujuk oleh sarjana-sarjana profileman, malah mampu menjadi rujukan silang dalam bidang disiplin ilmu yang lain.

BIODATA

Nur Azliza Binti Mohd Nor adalah calon Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan dan Persembahan Seni, di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Emel: liza85nor@gmail.com

Nur Afifah Vanitha Binti Abdullah bertugas sebagai Pensyarah Kanan di Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau adalah Pengajian Persembahan, Drama dan Teater. Emel: nurafifah@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Asyraf Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad, & Zainab Ismail. (2010). Peranan wanita dalam pembangunan keluarga dari perspektif *Fi Zilal Al-Quran*. *Journal of Governance and Development*, 6, 14-21.
- Azlin Asaari, & Jamaluddin Aziz. (2013). Mencabar ideologi maskulin: Wanita dan saka dalam filem seram di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 29(1), 113-126.
- Azlin Asaari. (2015). *Watak wanita dalam filem seram kontemporari Malaysia: Makna dan ideologi* (Unpublished Doctoral thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor).
- Badrul Redzuan Abu Hassan, & Faridah Ibrahim. (2011). Membangun ‘sinema sikap’: Memproblematik hubungan kekuasaan Melayu - Tionghua dalam Mukhsin. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 137-160.
- Chao, R. K. (1995). Chinese and European American cultural models of the self-reflected in mothers’ childrearing belief. *Journal of the Society for Psychological Anthropology*, 23(3), 328-354.
- Duclos, R., & Barasch, D. (2014). Prosocial behavior in intergroup relations: How donor self-construal and recipient group-membership shape generosity. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/10.1086/674976>
- Fuziah Kartini Hassan Basri, & Faridah Ibrahim. (2004). Metaphors of ‘the female’ in Malay movies. *Jurnal Skrin Malaysia*, 1, 11-22.
- Gaik Cheng Khoo. (1999). *Gender, modernity and the nation in Malaysian literature and film (1980s and 1990s)* (Doctoral thesis). Retrieved from <https://open.library.ubc.ca/cIRcle/collections/ubctheses/831/items/1.0076924>
- Habsah Md. Nor. (1996). *Wanita solehah: Kedudukan & personaliti serta ciri-cirinya*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man.
- Hanita Mohd. Mokhtar Ritchie. (2011). *Negotiating melodrama and the Malay woman: Female representation and the melodramatic mode in Malaysian – Malay films from the early 1990s-2009* (Doctoral thesis). Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/>
- M. Abdul Ghoffar E. M. (Ed.). (1997). *Jati diri wanita muslimah*. Jakarta Timur: Pustaka Al-Kautsar.
- Mahadi J. Murat. (2006). *Sutradara kontemporari Malaysia*. Selangor: Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
- Markus, H. R., & Kitayama, S. (1991). Culture and the self: Implications for cognition, emotion and motivation. *Psychological Review*, 98(2), 224-253.
- Ngo Sheau Shi. (2010). Pembentukan seksualiti dalam filem U-Wei Haji Saari: Satu analisis psikoanalitik feminis terhadap filem Perempuan, Isteri &.... Dalam Azman Azwan Azmawati, Mahyuddin Ahmad, Mustafa Kamal Anuar & Wang Lay Kim (Eds.), *Antalogi esej komunikasi: Teori, isu dan amalan* (pp. 105-121). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nor Aida Mahmor, & Nasihah Hashim. (2015). Citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak Upin dan Ipin. *Journal of Education and Social Sciences*, 2, 137-149.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. (1997). *Welcoming Nora and Hedda to Malaysian theatre* (Unpublished master's thesis, Graduate School of Syracuse University, Syracuse, New York).

- Nur Azliza Mohd Nor, Nur Afifah Vanitha Abdullah, Yusmilayati Yunos, & Mohammad Nazri Ahmad. (2016, Ogos). *Seksisme dalam black widow - Wajah Ayu arahan U-Wei Haji Saari*. Paper presented at the 10th International Malaysian Studies Conference, Universiti Malaysia Sabah.
- Nur Azliza Mohd Nor, & Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2019). Self-construal watak protagonis wanita dalam filem Melayu (Isu khas). *Jurnal Akademika*, 89, 163-175.
- Nur Nafishah Azmi. (2015). *Watak wirawati unggul dalam filem Melayu: Kajian kes Tsu Feh Sofiah (1986), Fenomena (1990), dan Perempuan Melayu Terakhir (1999)* (Master's thesis). Retrieved from http://eprints.usm.my/30207/1/Nur_Nafishah_Azmi.pdf
- Pencinta Khazanah Seni. (1993, September 3). Perempuan, Isteri & ... full movie Melayu lama. *YouTube*. Retrieved from <https://www.youtube.com/watch?v=Vne5F28BW-M>
- Ridha Bak Najjad. (2002). *Hak dan kewajipan isteri dalam Islam*. Jakarta: Penerbit Lentera Basritama.
- Saleha Mahmood Abedin. (Ed.). (1999). *Women in Islam: A discourse in rights and obligations*. Kuala Lumpur: Synergy Books International.
- Shahnaz Begum. (Ed.). (2004). *Ideal women before marriage and after marriage*. New Delhi: Adam Publishers & Distributors.
- Shikin Ali. (2013). *Isteri mithali: Satu kajian persepsi isteri dalam novel dan masyarakat Melayu* (Master's thesis). Retrieved from https://scholarbank.nus.edu.sg/bitstream/10635/79492/1/Shikin_Ali.pdf
- Tawa, J., & Suyemoto, K. L. (2010). The influence of race and power on self-construal in bicultural Asian Americans. *Asian American Journal of Psychology*, 1(4), 275-289.
- U-Wei Haji Saari. (2016, 17 Oktober). Interviewed by Nur Azliza Mohd Nor [Tape recording]. Pengarah filem *Perempuan, Isteri &...* (1993). Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Van Der Heide, W. (2002). *Malaysian cinema, Asian film: Border crossings and national cultures*. Amsterdam: Amsterdam University Press.
- Walsh, S. L., Gregory, E., Lake, Y., & Gunawardena, C. N. (2003). Self-construal, facework, and conflict styles among cultures in online learning environments. *International Review*, 51(4), 114-122.
- Wan Amizah Wan Mahmud, Chang Peng Kee, & Jamaluddin Aziz. (2009). Film censorship in Malaysia: Sanctions of religious, cultural and moral values. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 25, 42-49.
- Wan Zawawi Ibrahim. (2003). The search for a 'new cinema' in post-colonial Malaysia: The films of U-Wei bin Haji Saari as counter-narrations of national identity. *Inter-Asia Cultural Studies*, 4(1), 145-154.
- Wong Ko Chai. (2002). *Communication styles among Malaysian graduate students* (Master's thesis). Retrieved from http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/10153/1/FBMK_2002_6_A.pdf
- Zawawi Ibrahim. (2004). On Erma Fatima's the last Malay woman: Gendering discourses on reclaiming Malayness in the new Malaysian cinema. *Screening Southeast Asia*, 24(2), 27-38.